

# Keganasan: Dunia perlu faham masalah golongan minoriti Islam

UMS JUN 2007

TOKYO 5 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa masyarakat dunia perlu memahami masalah golongan minoriti Islam yang dinafikan hak mereka untuk mendapat keadilan sekiranya mahu mencari punca kepada berlakunya keganasan.

Katanya, kita patut memahami masalah politik yang dihadapi oleh golongan ini yang tidak mendapat hak sebenarnya, dihalau dari negara sendiri dan dilayan dengan buruk, menyebabkan mereka memberontak menentang ketidakadilan itu.

Beliau berkata, masyarakat dunia harus mencari sebab mengapa rakyat Palestin tidak dapat memiliki negara mereka sendiri dan Israel pula dengan tegasnya tidak akan membenarkan perkara itu berlaku.

“Jika kita dapat menyelesaikan persoalan itu, mengembalikan negara mereka dan hak-hak mereka, tidak bertindak memusnahkan seluruh kampung dan keluarga mereka yang disyaki pengganas, saya yakin tidak akan berlaku tindakan ganas,” ujarnya.

Dr. Mahathir berkata demikian dalam Perbincangan Meja Bulat Pemimoin-Pemimnin Asia pada Persidangan Antarabangsa Nikkei ke-9 di sini hari ini.

Turut menyertai perbincangan tersebut ialah Presiden Filipina, Gloria Macapagal Arroyo; Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra dan bekas Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto. Ia dipengerusikan oleh Penasihat Khas Perdana Menteri Jepun, Yukio Okamoto.

## Persaudaraan

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa keganasan tidak ada kena mengena dengan fundamental Islam kerana ajaran Islam sebenar menganjurkan keamanan, persaudaraan sesama Islam dan tidak suka kekejaman.

“Saya adalah fundamentalis Islam. (Jika) saya ambil kira perkataan fundamentalis, itu sendiri (iaitu orang yang sangat tegas berpegang kepada ajaran agama),” ujarnya disambut gelak ketawa para peserta persidangan.

Katanya, di Jepun sendiri, ada

pengganas tetapi orang tidak menggelarkan mereka *Buddhist Terrorist* manakala ketika orang India menyerang masjid di negara itu, tidak ada sesiapa menggelar mereka *Hindu Terrorist*.

“Tetapi jika orang Islam, kadang-kadang bukan Islam, cuma seseorang yang disyaki Islam, melakukan keganasan, mereka kata....ah *Islamic Terrorist*.” ujarnya.

Sehubungan itu, beliau berkata, jika mahu mengaitkan keganasan dengan agama, maka perlu mengaitkannya dengan semua agama, jika tidak jangan kaitkan Islam dengan keganasan.

Dr. Mahathir juga ditanya pandangannya mengenai kedegilan Korea Utara untuk terus melaksanakan program senjata nuklearnya dan beliau kesal dengan perkara itu.

“Bagaimanapun, katanya, dunia tidak b&h terus menghukum negara itu tanpa mengetahui alasan mereka meneruskan program berkenaan.

“Saya mencadangkan, di samping memberitahu akan meng-hukum mereka, cuba bercakap

(berunding) dengan mereka. Mereka tentunya mahu berunding. Cari sebab mengapa mereka melakukan perkara itu dan bantulah mereka mengatasi masalah yang dihadapi,” ujarnya.

Beliau berkata, Korea Utara sebelum ini berjanji untuk menghentikan program senjata nuklearnya dengan syarat ada pihak membantunya mengatasi masalah kebuluran dan kekurangan makanan.

Tetapi kata Dr. Mahathir, selepas persetujuan dicapai, bantuan tidak diterima menyebabkan mereka kecewa dan kembali meneruskan program tersebut.

Mengenai pasaran bon Asia, Perdana Menteri yang menyokong cadangan tersebut berkata, telah tiba masanya Asia mempunyai pasaran bon sendiri

Katanya, jika kita mahu meningkatkan keadaan pasaran kewangan, pasaran bon Asia merupakan caranya kerana ia untuk kepentingan Asia dan tidak dicipta oleh orang lain untuk dilaksanakan oleh rantau ini. —  
*Utusan*